

ama
gsaan

an Yang
ah Jabatan

mpur: Dewan

laysia (ANM) :
ah, Politik Dan
Malaysia).
dekaan Di Alam

pinang”
012, 2.00 p.m.

3il.2_2012.pdf, 29

PENULISAN MANUSKRIP JAWI DI ALAM MELAYU: SATU TINJAUAN HISTORIS

❀❀❀❀

Salsabil Bin Haji Mohd Zain¹, Mustaffa Bin Abdullah², & Muhamad
Alihanafiah Bin Norasid³

Abstrak: Tradisi keintelektualan di alam Melayu menyaksikan peranan yang dimainkan oleh ilmuwan silam di alam Melayu dalam pembangunan tamadun begitu signifikan. Kewujudan karya-karya asli serta manuskrip jawi lama yang dihasilkan oleh mereka ternyata menjadi batu asas perkembangan Islam di alam Melayu. Dalam pada itu, penulisan-penulisan manuskrip jawi lama turut menjadi wahana terpenting bagi memantapkan gagasan paradigma mereka mengenai elemen fundamental Islam. Justeru, kertas kerja ini membincangkan tradisi penulisan manuskrip jawi di alam Melayu dengan menyorot aspek pensejarahan. Turut dimuatkan juga tinjauan mengenai penulisan manuskrip jawi bergenre agama serta faktor perkembangan penulisan manuskrip jawi di Alam Melayu. Hasil penelitian mendapati bahawa penulisan manuskrip jawi Melayu menjadi simbol kegemilangan tamadun Melayu yang unik. Alam Melayu mencapai ketamadunannya sejajar dengan kedatangan Islam menerusi penulisan manuskrip jawi Melayu. Justeru, usaha memelihara dan memulihara khazanah manuskrip lama sebagai simbol ketamadunan wajar dipergiat bagi tatapan dan kajian generasi akan datang.

Kata Kunci: Manuskrip jawi, alam Melayu

PENDAHULUAN

Penulisan manuskrip jawi Melayu nyatanya mempunyai kaitan rapat dengan sejarah bahasa Melayu. Hasil kajian awal terhadap bahasa Melayu mendapati bahawa bahasa Melayu telah digunakan secara meluas sejak zaman Hindu dan Buddha. Ia digunakan sebagai bahasa pengajaran di pusat-pusat pengajian Buddha di Melayu untuk mengajar bahasa Sanskrit dan falsafah. Walau bagaimanapun, penggunaannya pada era terbabit masih terbatas ekoran penggunaan bahasa Sanskrit dan Jawa Kuno mendominasi masyarakat alam Melayu. Tambahan pula, ahli sains dan para pengkaji masih tidak menemui sebarang peninggalan yang mengukuhkan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kesusasteraan ketika itu. Bagaimanapun, kegiatan penulisan jawi Melayu mulai berkembang dengan pesat dengan kedatangan Islam ke alam Melayu.⁴

¹ Sarjana Usuhuddin, Jabatan Al-Qur'an dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti
Kuala Lumpur.

² Dr. di Jabatan Al-Qur'an dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala
Lumpur.

³ Sarawazah Doktor Falsafah, Jabatan Al-Qur'an dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam,
Kuala Lumpur.

⁴ *Peradaban Melayu dan Islam* (Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1985), 34-35.